

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
[ALOR SETAR]

TARIKH : 7 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] meminta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk mengenal pasti sama ada Perjanjian Malaysia 1963 telah pun dilaksanakan sepenuhnya menurut roh Perjanjian tersebut.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perjanjian Malaysia yang telah ditandatangani pada 9 Julai 1963 secara jelas menetapkan obligasi pihak-pihak untuk mengambil tindakan perundangan, eksekutif dan tindakan lain bagi mengadakan peruntukan bagi maksud menjamin dan melindungi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak.
2. Sehubungan itu, pelaksanaan Perjanjian Malaysia telah dibuat melalui peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga undang-undang lain yang berkaitan. Antara peruntukan yang dibuat dalam Perlembagaan Persekutuan termasuklah peruntukan khas bagi menjamin kepentingan Sabah dan Sarawak berhubung dengan perkara tanah, peruntukan mengenai kedudukan istimewa anak negeri di Sabah dan Sarawak dalam perkara berkaitan perizinan jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, danasiswa, keistimewaan pendidikan atau latihan, pemberian permit dan lesen perdagangan atau perniagaan, bilangan tempat dalam universiti, kolej dan institusi pendidikan, dan sekatan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan kepada sesuatu negeri untuk meminjam tidak terpakai kepada Sabah dan Sarawak.
3. Kesemua peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang memberikan lebih autonomi dan kedudukan yang istimewa kepada Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak tidak boleh dipinda sewenang-wenangnya oleh Kerajaan Persekutuan tanpa persetujuan Yang di-

Pertua Negeri bagi Negeri Sabah atau Negeri Sarawak jika pindaan itu ialah yang akan menyentuh perjalanan kuat kuasa Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan perkara-perkara yang melibatkan antara lain, hak rakyat Sabah dan Sarawak untuk menjadi warganegara, keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, kuasa perundangan Badan Perundangan Negeri Sabah dan Sarawak, agama dan penggunaan apa-apa Bahasa di dalam Negeri Sabah dan Sarawak serta kuota ahli Dewan Rakyat yang diperuntukkan untuk Negeri Sabah dan Sarawak.

4. Sehubungan dengan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menukuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk perkara tersebut. Namun, Kerajaan Persekutuan tidak pernah sesekali mengabaikan, malah sentiasa menitikberatkan pembangunan dan kemajuan di Sabah dan Sarawak, yang meliputi pelbagai bidang serta sektor, seperti mana di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.